

# YAYA PATAH 13 TULANG

## DIDERA BAPA KANDUNG & IBU TIRI

KES PENDERILIAK-KIVAK BUKANLAH PERKARA BARU DALAM NEGARINI. MALAVNYA SEMAKIN MENINGKAT DARI TAHUN KETAHUN. STATISTIK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WILAYAH, KELUARGA DAN MASYARAKAT MENYUJUKAN Peningkatan kes penderilialk-kivak dari 2010 taiti sebanyak 3,257 kes, 3,428 kes 2011, 3,831 kes 2012, dan 4,119 kes pada 2013. Malak ml.1 dari Januari hingga April 2014 smlajaterdapat sebanyak 1,130 kes.

PERKULIAH NUR SYAHIRAH RAMLI

**D**imanakah nilai kemanusiaan kita? Apakah manusia kini semakin berhati binatang? Inilah yang menimpa adik Nur Zuliana Zaara Zulkifli, 6, atau lebih dikenali sebagai Yaya akibat didera bapa kandung dan ibu tirinya di Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 2015.

edihnya. Berada di neraka dunia bersama ibu tiri yang kejam mpama dalam drama bagi kita tapi nyata bagi adik Yaya. Mlansga mengalami trauma yang teruk dan agak sukar untuk dirawat arana dia tidak mempercayai sesiapa.

es penderaan yang melibatkan Yaya ini menjadi berita gempar di sluruh negara kerana keadaan fizikalnya yang teruk. Wajah Yaya enjadi cengkung, seluruh badannya lebam dan dipenuhi parut. spalnya luka terkoyak, bahagian belakang pua membongkok, percayal kesan daripada patah tulang belakang, rusuk serta paha ribat tidak dirawat sempurna.

lahuakbar, apakah mereka ini tiada pertimbangan ketika melakukan rbuatan itu? Tiadakah secubit rasa belas melihat kasakitan pada rya saat mereka menghentam tubuh kecil itu? Paling membingungkan, agaimana tergamaknya bapa kandung sendiri menyakiti darah aging keturunannya.

ada kata yang dapat diungkapkan. Tiada rasa yang dapat luahkan. Luluh hati seorang ibu saat melihat keadaan si kecil yang slum mengerti apa-apa. Begitu daif sekali keadaannya.

agi ibu kandung Yaya, Sana Abdul Malek, tidak diduga anak yang rada dalam penjagaan bekas suami dan isteri barunya selepas rreka bercerai, menerima nasib begitu. "Siapa sangka anak saya ng masih belum mengerti apa-apa dan baharu menginjak ke usia 10 tahun, tergamak dikasari sehingga patah tulang belakang, ang rusuk termasuk pinggul serta lebam-lebam di seluruh badannya percayal akibat didera ibu tirinya.


Ibu mana yang tidak sedih melihat anak yang sebelum ini patah bercakap dan berperwatakan ceria, bertukar jadi pendiam dan fizikalnya juga kurus kering sehingga menyebabkan saya sendiri tidak mengenalinya. Yaya ditahamkan tidak diberi makanan secukupnya sehingga menyebabkan kekurangan zat yang kronik dan berat badannya susut sehingga 15 kilogram yang menyamai budak berusia tiga tahun.

Apa pun hanya satu yang Yaya mampu ungkapkan, dia tidak mahu bekas suami yang dipanggil 'Papa' dan ibu tirinya itu melawatnya, dan dia tidak mahu langsung mendengar nama kedua mereka," kata Sana.

Mengimbu kembali peristiwa malang itu, Sana yang bergelar suri rumah memberitahu, Yaya diberikan hak penjagaan kepada bekas suaminya setelah dia bercerai dengan lelaki itu sejak tiga tahun lalu. Meskipun berjauhan daripada anaknya, Sana tidak pernah melupakan untuk bertanya khabar. "Sebelum ini, bekas suami tidak pernah membenarkan saya melawat Yaya di rumah. Alasannya, dia bimbang saya akan bergaduh dengan isteri barunya itu.

Dia turut memberi pelbagai alasan apabila saya bertanya kenapa Yaya tidak mahu ke rumah saya. Malah dia turut bersungguh-sungguh menyatakan anak saya dijaga dalam keadaan baik dan tidak perlu bimbang mengenai keadaannya. Namun apabila satu hari tu, saya menerima panggilan telefon daripada isteri bekas suami, hati saya tidak tenang. Dia kata sudah tidak mahu menjaga Yaya dan ingin menyerahkannya kepada saya.

Saya tanpa banyak soal terus bersetuju dan mengambil Yaya pada jam 1 pagi di belakang pasar raya Pantai Timur Rantau Panjang melalui orang tengah dan tidak langsung bertemu dengan bekas suami malah isterinya. Selepas mengambil Yaya, saya lihat keadaannya lemah dan turut melihat badannya dipenuhi parut dan saya svaki Yaya\*didera setelah memeriksa lebam-lebam di badannya dan buat laporan polis keesokannya di Balai Polis Pasir Mas," cerita Sana.



Child abuse

Sebaik sahaja selesai membuat laporan polis, Sana membawa Yaya ke Hospital Golek untuk pemeriksaan. Namun kemudiannya, Yaya diindahkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) di Kota Bharu. Di sini, Sana menerima berita sedih tentang keadaan Yaya. Hasil daripada pemeriksaan doktor, Yaya disahkan mengalami kecacatan akibat kecederaan patah 13 tulang di seluruh badan. Ini termasuklah bongkok akibat masalah tulang belakang yang patah serta tempang kerana perbezaan panjang tulang paha kiri dan kanan.

Doktor kata, keadaan tersebut berlaku disebabkan Yaya tidak pernah dirawat dan semua kecederaan yang dialami dibiarkan sembuh sendiri sejak dia mula didera. Selain itu, usus Yaya juga dikatakan berlipat sehingga mengganggu sistem pencernaannya.

Hanya Allah saja tahu perasaan saya saat mendengar ayat doktor. Begitu berat dugaan yang Yaya hadapi sedangkan dia terlalu kecil. Usia dia terlalu muda untuk menerima keadaan seperti ini. Sedangkan kanak-kanak sebayanya riang berlari bermain sedangkan Yaya? Allahrabai, sungguh saya sedih dengan keadaan Yaya.

"Harapan saya, sebagai ibu, demi menuntut keadilan terhadap anak saya ini, agar pelaku yang membuat tindakan kejam ini dikenakan tindakan setimpal dan dibawa ke muka pengadilan," katanya mengukui bapa kandung Yaya, Zulkifli Che عثمان, 39 dan ibu tirinya, Rahayu Hassan, 24. Yaya diikat jamin sebanyak RM20 000 bagi seorang sehari sebelum sambutan Hari Raya tahun lalu.

## DAKWAAN

Mereka dihadapkan ke mahkamah sama atas pertuduhan menganiaya, mencederakan dan 'mengabai kanak-kanak' itu antara Januari 2015 hingga Mei 2015 di Kampung Bagus, Rantau Panjang, Pasangan terbabit bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan secara berasingan.

Rahayu didakwa atas pertuduhan mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 kerana dia sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga mangsa namun telah menganiaya sehingga kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal dan emosi.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas mangsa yang dibuat mengikut Seksyen 325 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya.

Sementara itu, Zulkifli pula didakwa mengabaikan kanak-kanak itu dan dituduh mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-kanak 2001 yang boleh dihukum denda maksimum RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.



Jujur Sana lagi, kes penderaan Yaya baru sahaja mula dibicarakan pada Mac tahun ini dan kedua-duanya masih belum dijatuhkan hukuman.

## PERKEMBANGAN

Kini, selepas hampir setahun berlalu, Sana mengukui Yaya telah mengalami banyak perubahan positif baik daripada aspek fizikal, mahupun emosinya. "Meskipun pertumbuhan tulang Yaya tidak sempurna seperti kanak-kanak lain namun Yaya boleh bergerak seperti biasa. Kondisi tulangnya yang patah di bahagian belakang tubuh badan, kaki dan tangan juga semakin pulih dengan sendirinya. Cuma apabila melihat Yaya berjalan, memang kelihatan tidak seimbang kerana panjang tulangnya tidak lagi normal.

"Bicara tentang emosinya pula, buat masa ini, Yaya tidak lagi kelihatan trauma atau kemurungan. Cuma dia tidak mahu berhubung dengan ayah kandung dan ibu tirinya. Saya juga akan memastikan Yaya kerap bergaul dengan adik tirinya supaya dia dapat melupakan tragedi hitam tersebut. Alhamdulillah, Yaya kini lebih ceria dan patah bercakap.

"Malah, saya juga memanjat kesyukuran kerana ada insan yang prihatin dan telah mengambil Yaya sebagai anak angkat iaitu Persatuan orang Kota Bharu di bawah pimpinan Dato' Paduka Sheikh Ahmad Dusuki. Mereka bersetuju untuk membiayai yuran persekolahan Yaya sepenuhnya di Brainy Bunch International Islamic Montessori," ujar Sana mengukui dia telah hilang kepercayaan untuk memberikan hak penjagaan anaknya kepada orang lain semenjak peristiwa pahit tersebut.

Merujuk kepada kes penderaan Yaya dan kanak-kanak lain, penulis berasa ibu bapa yang melakukan perkara yang sedemikian tidak menghiraukan atau berasa belas kasihan terhadap anak-anak mereka yang mereka sakiti. Nilai moral seperti sifat perikemanusiaan dan kasih sayang yang tidak kukuh dalam diri akan mudah hilang jika mereka tidak mengamalkan nilai-nilai moral dan kurang diaikan agama mahupun pengetahuan tentang cara-cara hidup berkeluarga dan mendidik anak-anak.

Sesetengah ibu bapa yang terlalu mementingkan pekerjaan sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak juga semakin meningkat pada akhir-akhir ini. Sifat keibubapaan dalam diri mereka semakin hari semakin hilang tanpa mereka sedari. Oleh sebab itu, kes penderaan dalam kalangan kanak-kanak pada masa kini semakin berleluasa memandangkan sifat belas kasihan dalam diri sudah tiada lagi.

Malah, kerana terlalu sibuk dan penat tugas atau pekerjaan, stres yang dialami akan dilepaskan kepada anak-anak. Anak-anak yang menanti kepulangan ibu atau bapa akan dimarahi atau dipukul sehingga meninges kesakitan dan terdapat lebam-lebam pada anggota badan. ▲